



PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM.PEND.100/1/5/1 (20)
Tarikh : 7 Mei 2026

**PEKELILING PENDAFTAR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2026**

**PENGUATKUASAAN KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
(LALU LINTAS) 2026**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penguatkuasaan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Lalu Lintas) 2026 yang akan diselia dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti (APSeC).

LATAR BELAKANG

2. Pihak Universiti telah menetapkan pemakaian Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Lalu Lintas) 2026 sebagai peraturan rasmi jalan raya di seluruh Kampus universiti termasuk di kawasan kampus Universiti Putra Malaysia Sarawak. Bagi memastikan peraturan ini dipatuhi, APSeC telah dilantik sebagai agensi penguatkuasa tunggal demi menjamin keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan seluruh warga kampus serta pengguna jalan raya.

PEMAKAIAN PELEKAT KENDERAAN

3. Semua pegawai Universiti yang menggunakan kenderaan untuk ke pejabat adalah diwajibkan untuk memohon dan memiliki pelekat kenderaan rasmi bagi membolehkan kenderaan tersebut dibawa masuk serta diletakkan di dalam kawasan kampus universiti.

4. Permohonan pelekat kenderaan pelajar dilaksanakan mengikut sesi pengajian semasa. Kewajipan ini terpakai kepada pelajar Diploma (Tahun 2), Bachelor (Tahun 2, 3 dan 4), serta semua pelajar Master dan PhD.

5. Pelajar dalam kategori separuh masa, eksekutif atau mana-mana kategori pelajar yang memasuki kawasan kampus universiti perlu mendapatkan permohonan pelekat dari APSeC sebelum menggunakan laluan di dalam kampus.

6. Semua vendor/kontraktor dan pekerja mereka layak mendapatkan pelekat kenderaan kategori agensi luar sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Namun demikian, akses kenderaan tersebut adalah terhadap kepada laluan am sahaja dan dilarang menggunakan laluan bersistem Licence Plate Recognition (LPRS).

7. Kelulusan dan kelayakan membawa kenderaan akan membolehkan mana-mana pegawai dan pelajar UPM untuk membawa kenderaan mereka melalui pintu yang diwartakan penggunaan sistem LPRS.

8. Semua pegawai, pelajar atau vendor dan pekerja hendaklah memiliki lesen memandu, cukai jalan dan insurans kenderaan yang sah untuk membawa kenderaan di dalam kawasan Universiti.

9. Kaedah, tatacara dan syarat permohonan pelekat kenderaan adalah tertakluk kepada pekelling-pekelling yang sedang berkuat kuasa seperti berikut:

- Staf UPM (Sesi 2025-2027): Merujuk kepada Pekeliling Pusat Polis Bantuan & Keselamatan Universiti Bilangan 2 Tahun 2024; dan
- Pelajar UPM (Sesi 2025-2026): Merujuk kepada Pekeliling Pusat Polis Bantuan & Keselamatan Universiti Bilangan 1 Tahun 2025.

KATEGORI KESALAHAN DAN FI PEMULIHAN PELANGGARAN DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (LALU LINTAS) 2026

10. Kesalahan-kesalahan yang dinyatakan di dalam Kaedah ini adalah seperti berikut:

Kaedah	Kesalahan
8	TIDAK mendapat kebenaran membawa kenderaan masuk ke dalam kampus.
9	TIDAK mempamer kebenaran bertulis daripada Naib Canselor untuk membawa masuk kenderaan motor ke dalam kampus.

<p>11(1)</p>	<p>a. TIDAK memandu atau menunggang dengan cermat dan membahayakan keselamatan pengguna jalan yang lain;</p> <p>b. TIDAK memandu atau menunggang di laluan atau jalan yang ditetapkan bagi kenderaan motor itu;</p> <p>c. TIDAK memandu atau menunggang dengan mematuhi arahan lalu lintas dan tanda isyarat lalu lintas;</p> <p>d. TIDAK memandu atau menunggang mengikut had laju yang ditetapkan bagi jalan itu;</p> <p>e. TIDAK meletakkan/memarkir kenderaan motor di tempat yang ditetapkan dan menghalang kelancaran lalu lintas dalam Kampus; dan</p> <p>f. Meletakkan kenderaan motor di ruang yang diperuntukkan bagi kenderaan atau kenderaan motor tertentu.</p>
<p>12</p>	<p>TIDAK mematuhi semua peruntukan dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987.</p>
<p>13</p>	<p>a. Memandu atau menunggang kenderaan motor TANPA mempunyai lesen yang sah;</p> <p>b. Memandu atau menunggang kenderaan motor yang cukai jalannya telah TAMAT TEMPOH;</p> <p>c. Memandu kenderaan motor di atas bahu jalan, laluan pejalan kaki, laluan basikal atau apa-apa laluan yang ditetapkan untuk kenderaan lain, atas rumput atau dalam mana-mana kawasan dalam Kampus yang tidak dimaksudkan bagi laluan kenderaan motor;</p> <p>d. Membonceng lebih daripada seorang bagi kenderaan motor beroda dua;</p> <p>e. Tidak memakai tali pinggang keledar bagi kenderaan motor beroda empat atau topi keledar bagi kenderaan motor beroda dua;</p> <p>f. Berkelakuan dalam apa-apa cara, atau melakukan apa-apa perbuatan yang menghalang atau mengganggu kelancaran lalu lintas dalam Kampus; atau</p> <p>g. Memandu dalam keadaan berbahaya atau melulu.</p>

11. Bagi setiap pelanggaran peraturan yang dikesan di bawah kaedah di atas, Fi Pemulihan Pelanggaran sebanyak RM100.00 akan dikenakan bagi setiap kesalahan. Punca kuasa pengeluaran notis ini terletak di bawah bidang kuasa pegawai dan anggota APSeC.

12. Sebarang urusan pembayaran hanya dilaksanakan secara pindahan dalam talian (*online transfer/ QRPay*).

PENGUATKUASAAN DAN PEMATUHAN

17. Setiap pegawai, pelajar dan vendor yang memasuki kawasan Kampus universiti hendaklah memberikan kerjasama dengan mempamerkan dokumen pengenalan diri, lesen memandu, cukai jalan dan dokumen berkaitan jika diminta, kepada anggota APSeC.

18. Hanya kenderaan yang mempamerkan pelekat kenderaan UPM yang sah sahaja dibenarkan masuk dan diletakkan di kawasan parkir yang telah ditetapkan di seluruh kawasan UPM.

19. Pihak Universiti berhak untuk menyita dan menunda mana-mana kenderaan yang tidak mempunyai pelekat yang sah dan ditinggalkan di dalam kampus universiti termasuk kawasan dewan dan kolej, ke zon penyimpanan khas. Pemilik kenderaan bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjelaskan kos sita/ kos tunda dan segala perbelanjaan berkaitan sebelum kenderaan dibenarkan untuk dituntut semula.

20. Pelajar yang didapati menggunakan kenderaan sewa untuk memasuki kawasan kampus akan dikenakan Fi Pemulihan Pelanggaran mengikut kadar yang ditetapkan.

21. Bagi menjamin tahap keselamatan kampus, larangan masuk dikuatkuasakan terhadap semua kenderaan yang tidak berdaftar atau tidak mempunyai pelekat kenderaan yang sah bermula jam 12:00 tengah malam.

22. Kenderaan awam dilarang sama sekali daripada menggunakan rangkaian jalan raya di dalam kampus UPM sebagai jalan pintas.

23. Pelekat Kenderaan UPM adalah kebenaran membawa kenderaan kepada nama pemohon sahaja. Pemandu kenderaan yang tidak berdaftar dalam sistem akan dikenakan tindakan mengikut peraturan sedia ada.

24. Pelajar luar kampus dilarang sama sekali daripada meletakkan kenderaan di kawasan kediaman kolej selepas jam 12:00 tengah malam.

25. Semua pegawai dan pelajar yang telah diberikan kelulusan untuk mendaftarkan kenderaan hendaklah mendapatkan pelekat kenderaan dengan

kadar segera. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kelulusan ditarik balik.

26. APSeC berhak merampas pelekat kenderaan yang tidak sah atau melanggar peraturan semasa Universiti.

27. APSeC akan menjalankan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan kepatuhan peraturan lalu lintas secara berterusan dan berkala. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi ketetapan yang telah digariskan di dalam pekeliling ini.

28. Pihak fakulti dan kolej adalah dimohon untuk mempamerkan Pekeliling ini di papan kenyataan bagi memudahkan pelajar membuat rujukan.

29. Semua pelawat, vendor, kontraktor termasuk kenderaan perdagangan yang hendak memasuki kawasan Universiti, WAJIB mendaftarkan kenderaan sebelum masuk ke dalam Kampus Universiti.

PEMAKAIAN

30. Pematuhan Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta dan terpakai kepada semua pegawai, pelajar yang berdaftar dengan universiti dan vendor serta pekerja-pekerja yang menjalankan perkhidmatan atau perniagaan di dalam kampus universiti, Hospital Sultan Abdul Aziz Shah (HSAAS) termasuk Universiti Putra Malaysia Sarawak (UPMS), Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (I-Aquas) serta Ladang Puchong.

PERTANYAAN

32. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada:

- i. Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.

No. Telefon : 03-9769 6160 (waktu pejabat)
WhatsApp : 03-9769 6160 (mesej sahaja)
Talian Kecemasan : 03-9769 1999/ 4999/ 1399 (24 jam)
No. Faks : 03-97697930
Emel : apsec@upm.edu.my

Waktu Pejabat:

Hari Isnin-Khamis : (8:15 pagi – 5:00 petang)
Hari Jumaat : (8:15 pagi – 12:15 tengah hari)
:(2:45 petang – 5:00 petang)

ii. Waktu operasi Kaunter Polis Bantuan UPM Sarawak:

Hari Isnin -Khamis : 8:15 pagi - 4:30 petang

Hari jumaat : 8:15 pagi - 11:45 Pagi
2:45 petang - 4:30 petang

No. Telefon : 03-97696311

Aplikasai *whatsApp* : 086-855310 (mesej sahaja)

E-mel : ketua_keselamatan.upms@upm.edu.my


TARIKH KUAT KUASA

33. Pekeliling Pendaftar ini berkuat kuasa mulai 28 Januari 2026 berdasarkan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-187 bertarikh 9 Disember 2025.

"MALAYSIA MADANI"

"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZAM BIN MANSOR)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia